

20/10/2003

'Kerajaan tangani tindakan berat sebelah Barat'

Norbakti Alias; Faiza Zainudin

JITRA: Kerajaan akan menangani secara berkesan sebarang tindakan berat sebelah negara Barat demi menjaga kepentingan negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan berat sebelah negara Barat selama ini terbukti menerusi perbuatan, peranan dan dasar yang dilaksanakan sama ada berkaitan ekonomi, alam sekitar dan hak asasi.

Sehubungan itu, Abdullah yang ditemui pemberita di sini semalam berkata, beliau tidak terkejut dengan tindakan Barat yang sengaja menyalah tafsir kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan melabel Perdana Menteri sebagai anti-Yahudi.

Beliau diminta mengulas kecaman pihak Barat terhadap kenyataan Perdana Menteri mengenai kaum Yahudi dalam ucapan perasmian pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Khamis lalu.

Menteri Luar Itali, Franco Frattini dalam kenyataannya mengkritik Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, apa yang penting umat Islam perlu membuktikan kemampuan untuk berjaya, maju, cintakan keamanan serta memiliki ilmu sains dan teknologi.

"Ia bukan untuk memerangi mereka, tetapi melakukan perubahan bagi menjadikan kita umat Islam yang berjaya," katanya selepas merasmikan Kolokium Peadam-IPT di Dewan Wawasan di sini.

Kira-kira 4,000 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai kolokium tiga hari itu.

Dalam ucapannya, Abdullah memberi jaminan akan meneruskan dasar kerajaan selepas persaraan Dr Mahathir akhir bulan ini.

"Saya berada dalam kerajaan yang menetapkan dasarnya dan saya juga percaya kepada kesinambungan kerana kalau dibuat sekerat-sekerat, ia tak akan jadi.

"Dasar yang dibuat perlu diteruskan untuk mencapai kejayaan kerana ia pasti mengambil masa dan harus dikekalkan pada landasan yang betul," katanya.